

**SEJARAH PERBANKAN DI BORNEO UTARA  
(1881-1941)**

**JOVINIA BINTI OMAR**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2012**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : SEJARAH PERBANKAN DI BORNEO UTARA (1881-1941)

IJAZAH: SARJANA SASTERA

Saya, JOVINIA BINTI OMAR, Sesi pengajian 2006-2012. Mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)
  - ( ) SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
  - ( ) TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
  - (✓) TIDAK TERHAD

  
\_\_\_\_\_

(Tandatangan Penulis)


Alamat Tetap: W.D. T. 28, KG. LOKOS  
89259 Tamparuli

Tarikh: 29 Ogos 2012

DISAHKAN OLEH,

  
\_\_\_\_\_

NURULAIN BINTI ISMAIL  
(Tandatangan Pustakawan)  
LIBRARIAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

  
Baszely Bee B. Basrah Bee  
Penyarah Kanan  
Program Sejarah  
Sekolah Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah  
(EN. BASZELY BEE BIN HAJI BASRAH BEE)  
PENYELIA BERSAMA



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Penulis bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberikan kebijaksanaan, kekuatan dan berkat sehingga penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah ini pada masa yang ditetapkan. Sesungguhnya kejayaan ini bukan kejayaan penulis seorang semata-mata, tetapi mendapat bantuan daripada banyak pihak. Di sini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih kepada individu berkenaan;

Encik Md. Saffie B. Abdul Rahim sebagai penyelia pertama dan Encik Baszely Bee Haji Basrah Bee yang banyak memberi bantuan khidmat nasihat, petunjuk dan teguran yang sangat bermakna dan tidak ternilai harganya. Tidak lupa juga kepada Dr. Maureen de Silva yang tidak mengenal erti jemu memberi sokongan dan keprihatinan sehingga latihan ilmiah ini berjaya disempurnakan.

Kakitangan Arkib Negeri Sabah seperti Puan Margaret Edmund, Encik Yusof Sulaiman, Puan Lily Chan, Encik Abdul Harun Osman, Encik Denin Keri, Cik Suzana Kudil, Encik Kogos Samain serta isteri yang banyak memberi bantuan untuk mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian penulis. Begitu juga dengan kakitangan Perpustakaan Muzium Negeri Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Tun Mustapha, Perpustakaan Daerah Penampang, Arkib Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaya atas kerjasama yang diberikan semasa penulis melengkapkan kajian ini.

Tidak lupa buat bapa tercinta, Encik Omar Soyot, Puan Esther Omar, Roger Omar, David Omar, Sabrina Omar dan Susanna Omar. Kalian sumber inspirasi sepanjang tempoh pengajian penulis di UMS yang penuh cabaran dan dugaan. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada keluarga Puan Masiliah Ampuroh, keluarga Puan Mariana, keluarga Puan Darinah, keluarga Puan Doumi, keluarga Puan Dilo, keluarga Puan Soindim, keluarga Encik Pius Soyot, keluarga Puan Liza Tonggiling, keluarga Encik Suning Tion, keluarga Puan Martha Agul, keluarga Puan jaslinah Agul dan Keluarga Encik Muil Calliton yang sentiasa memberi sokongan dalam bentuk kewangan mahupun kata-kata semangat.

Teristimewa buat Juhani @ Saimon Yagul selaku tunang penulis. Terima kasih kerana tidak jemu-jemu memberi kata-kata peransang dan sokongan kepada penulis.

Akhir sekali, ucapan terima kasih buat sahabat baik penulis, Nurasnie Amiruddin, Puan Esther Yasang, dan Fr. Wiandigool Runsab yang sentiasa memberi semangat dan kata-kata peransang kepada penulis.

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja penulis sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah penulis nyatakan sumbernya.

29 Ogos 2012



Jovinia Binti Omar

PA2006-8623

## PENGESAHAN

NAMA :JOVINIA BINTI OMAR  
NO. MATRIK : PA2006-8623  
TAJUK :SEJARAH PERBANKAN DI BORNEO UTARA (1881-1941)  
IJAZAH :SARJANA SASTERA  
TARIKH VIVA : 22 APRIL 2011

DISAHKAN OLEH


1. PENYELIA

EN. MOHD SAFFIE BIN ABDUL RAHIM

2 PENYELIA BERSAMA

EN. BASZELY BEE BIN BASRAH BEE

---

  
Baszely Bee B. Basrah Bee  
Pensyarah Kanan  
Program Sejarah  
Sekolah Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah

## ABSTRAK

### SEJARAH PERBANKAN DI BORNEO UTARA, 1881-1941

Kajian ini berkaitan sejarah perbankan di Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga tahun 1941. Permasalahan kajian yang diutarakan dalam kajian ini ialah mengkaji faktor yang membawa kepada perkembangan perbankan di Borneo Utara iaitu peranan bank, cabaran dan langkah mengatasi. Kajian bergantung kepada sumber primer iaitu sumber awalan yang terdapat di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negeri, dan Muzium Sabah. Sumber sekunder diperoleh dengan merujuk buku-buku, jurnal dan artikel. Kajian mendapati bahawa hanya terdapat satu bank sahaja beroperasi di Borneo Utara pada satu-satu masa iaitu *The Eastern Bank Limited* (beroperasi 1915) dan *The State Bank of North Borneo* (1921). *The State Bank of North Borneo* memainkan peranan penting dalam menggerakkan simpanan kepada pelaburan dan pertumbuhan ekonomi Borneo Utara terutamanya dalam perladangan getah. Institusi bank diwujudkan di Borneo Utara bagi membantu BNBCC mengawalatur sumber-sumber ekonomi yang banyak dipelopori oleh pelabur dan pemodal asing. Fungsi *The State Bank of North Borneo* adalah mencipta dan merekabentuk mata wang, pinjaman dan kiriman wang, kredit, deposit dan akaun semasa. Cabaran institusi perbankan ialah pemansuhan mata wang, persaingan penawaran kadar faedah daripada bank di negara jiran, penyeragaman jenis mata wang, kemelesetan ekonomi, pengurusan risiko, penutupan cawangan bank dan kegagalan peminjam membuat pembayaran semula. Langkah yang diambil bagi mengatasi cabaran-cabaran perbankan ialah pemansuhan token persendirian, pembukaan semula cawangan bank, kadar faedah yang lebih tinggi, serta memberi peluang kepada peminjam menjelaskan pinjaman pada bulan seterusnya.

## **ABSTRACT**

### ***HISTORY OF BANKING IN NORTH BORNEO, 1881-1941***

*The study on the history of banking in North Borneo from 1881 until 1941. The research problem addressed in this study is to investigate the factors that led to the development of banking in North Borneo bank role, challenges and coping. The study relies on primary sources of initial resources available in the State Archives, the State Archives, and the Sabah Museum. Secondary sources obtained with reference books, journals and articles. The study found that there is only one bank that operates in North Borneo at a time, The Eastern Bank Limited (operation 1915) and The State Bank of North Borneo (1921). The State Bank of North Borneo plays an important role in mobilizing savings to investment and economic growth in North Borneo, especially in the rubber plantation. Bank institutions established in North Borneo to help BNBCC regulate economic resources that many pioneered by investors and foreign capitalists. The functions of the State Bank of North Borneo is creating and designing currency, loans and remittances, credit, deposit and current accounts. Challenge institutions was the removal of currency, offering competitive interest rates from banks in neighboring countries, standardization of currency type, recession, risk management, bank closures and the failure of the borrower to make payments. Steps taken to overcome these challenges is to repeal banking private token, re-opening a bank branch, a higher interest rate, as well as provide an opportunity to the borrower to settle the loan on the next month.*

## SENARAI SINGKATAN

|               |                                                               |
|---------------|---------------------------------------------------------------|
| <b>b.</b>     | bin                                                           |
| <b>BBDC</b>   | <i>British Borneo Development Company</i>                     |
| <b>BBTC</b>   | <i>British Borneo Timber Company</i>                          |
| <b>BFC</b>    | <i>Borneo Fishing Company</i>                                 |
| <b>BNBCC</b>  | <i>British North Borneo Chartered Company</i>                 |
| <b>BNBH</b>   | <i>British North Borneo Herald</i>                            |
| <b>BNM</b>    | Bank Negara Malaysia                                          |
| <b>Bhd.</b>   | Berhad                                                        |
| <b>BSKKL</b>  | <i>Borneo Shokusan Kabushiki Kaishah Limited</i>              |
| <b>Bil.</b>   | bilangan                                                      |
| <b>Co.</b>    | <i>Company</i>                                                |
| <b>eds.</b>   | edisi                                                         |
| <b>gov.</b>   | <i>government</i>                                             |
| <b>hlm.</b>   | halaman                                                       |
| <b>JMBRAS</b> | <i>Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society</i> |
| <b>KTRE</b>   | <i>Kuhara Tawau Rubber Estate</i>                             |
| <b>Ltd.</b>   | Limited                                                       |
| <b>NBCA</b>   | <i>North Borneo Central Archive</i>                           |
| <b>No.</b>    | Nombor                                                        |
| <b>Sect.</b>  | <i>Secretariat</i>                                            |
| <b>Sdn.</b>   | Sendirian                                                     |
| <b>Ter.</b>   | terjemahan                                                    |
| <b>TEL</b>    | <i>Tawau Estate Limited</i>                                   |
| <b>TNE</b>    | <i>Tenggara Nipah Estate</i>                                  |
| <b>U</b>      | Utara                                                         |
| <b>Vol.</b>   | volume                                                        |

## ISI KANDUNGAN

|                           | Halaman |
|---------------------------|---------|
| <b>PENGAKUAN PENULIS</b>  | i       |
| <b>PENGAKUAN PENYELIA</b> | ii      |
| <b>PENGHARGAAN</b>        | iii     |
| <b>ABSTRAK</b>            | iv      |
| <b><i>ABSTRACT</i></b>    | v       |
| <b>SINGKATAN</b>          | vi      |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>      | ix      |
| <b>SENARAI JADUAL</b>     | 136     |
| <b>BIBLIOGRAFI</b>        | 143     |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>   |         |

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

|      |                         |    |
|------|-------------------------|----|
| 1. 1 | Pengenalan              | 1  |
| 1. 2 | Permasalahan Kajian     | 2  |
| 1. 3 | Persoalan Kajian        | 5  |
| 1. 4 | Objektif Kajian         | 5  |
| 1. 5 | Sorotan Literatur       | 6  |
| 1. 6 | Skop dan Batasan Kajian | 16 |
| 1. 7 | Metodologi Kajian       | 17 |
| 1. 8 | Pembahagian Bab         | 17 |
| 1. 9 | Kesimpulan              | 18 |

### **BAB 2: PERKEMBANGAN EKONOMI BORNEO UTARA, 1881-1941**

|      |                                                                     |    |
|------|---------------------------------------------------------------------|----|
| 2. 1 | Pengenalan                                                          | 19 |
| 2. 2 | Sejarah Awal Borneo Utara                                           | 20 |
| 2. 3 | Populasi Borneo Utara                                               | 25 |
| 2. 4 | Perkembangan Ekonomi Borneo Utara                                   | 29 |
| 2. 5 | Dasar Ekonomi <i>British North Borneo Chartered Company (BNBCC)</i> | 45 |

|                                                                               |                                                                     |     |
|-------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|-----|
| 2. 6                                                                          | Kesimpulan                                                          | 49  |
| <br>                                                                          |                                                                     |     |
| <b>BAB 3: SISTEM PERBANKAN DI BORNEO UTARA</b>                                |                                                                     |     |
| 3. 1                                                                          | Pengenalan                                                          | 50  |
| 3. 2                                                                          | Latar Belakang Kemunculan Institusi Perbankan di Borneo Utara       | 51  |
| 3. 3                                                                          | Struktur Sistem Kewangan Di Borneo Utara Dari Tahun<br>1881-1915    | 54  |
| 3. 4                                                                          | Mata Wang Sebelum Pembentukan Bank                                  | 58  |
| 3. 5                                                                          | Estet Token (Persendirian)                                          | 63  |
| 3. 6                                                                          | Struktur Perbankan di Borneo Utara Dari Tahun 1914-1921             | 65  |
| 3. 7                                                                          | <i>The Eastern Bank Limited (1914-1921)</i>                         | 66  |
| 3. 8                                                                          | <i>The State Bank of North Borneo (1921-1941)</i>                   | 69  |
| 3. 9                                                                          | Objektif <i>The State Bank of North Borneo</i>                      | 72  |
| 3. 10                                                                         | Organisasi <i>The State Bank of North Borneo</i>                    | 75  |
| 3. 11                                                                         | Cawangan <i>The State Bank of Jesselton</i> di Jesselton            | 77  |
| 3. 12                                                                         | Kesimpulan                                                          | 81  |
| <br>                                                                          |                                                                     |     |
| <b>BAB 4: PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN <i>THE STATE BANK OF NORTH BORNEO</i></b> |                                                                     |     |
| 4. 1                                                                          | Pengenalan                                                          | 84  |
| 4. 2                                                                          | Fungsi <i>The State Bank of North Borneo</i>                        | 85  |
| 4. 2. 1                                                                       | Mengguna, Melukis, atau Mereka Bentuk Mata Wang                     | 85  |
| 4. 2. 2                                                                       | Perkhidmatan Kiriman Wang                                           | 94  |
| 4. 2. 3                                                                       | Deposit dan Akaun Semasa                                            | 94  |
| 4. 2. 4                                                                       | Pemberian Pinjaman dan Kredit                                       | 96  |
| 4. 3                                                                          | Analisis Kewangan dari tahun 1881 Sehingga Tahun 1941               | 98  |
| 4. 3. 1                                                                       | Pengurusan Liabiliti dan Aset <i>The State Bank of North Borneo</i> | 99  |
| 4. 3. 3                                                                       | Kadar Faedah                                                        | 105 |
| 4. 4                                                                          | Lembaga Penasihat Bank Negeri ( <i>State Bank Advisory Board</i> )  | 108 |

|                                                                                                                     |                                                                  |     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|-----|
| 4. 6                                                                                                                | Kesimpulan                                                       | 111 |
| <br><b>BAB 5: ISU DAN CABARAN PERBANKAN</b>                                                                         |                                                                  |     |
| 5. 1                                                                                                                | Pengenalan                                                       | 113 |
| 5. 2                                                                                                                | Isu-isu Perbankan                                                | 114 |
| 5. 2. 1                                                                                                             | Cabaran yang dihadapi oleh <i>The Eastern Bank Limited</i>       | 115 |
| 5. 2. 2                                                                                                             | Cabaran yang dihadapi oleh <i>The State Bank of North Borneo</i> | 118 |
| 5. 3                                                                                                                | Isu Cawangan Bank                                                | 123 |
| 5. 3. 1                                                                                                             | Penumpuan Cawangan Bank – <i>The State Bank of Jesselton</i>     | 125 |
| 5. 3. 2                                                                                                             | Kecekapan Agihan                                                 | 126 |
| 5. 4                                                                                                                | Kesimpulan                                                       | 128 |
| <br><b>BAB 6: RUMUSAN</b>                                                                                           |                                                                  |     |
|                                                                                                                     |                                                                  | 130 |
| <br><b>BIBLIOGRAFI</b>                                                                                              |                                                                  | 136 |
| <br><b>SENARAI JADUAL</b>                                                                                           |                                                                  |     |
| Jadual 2.1: Jumlah Penduduk Borneo Mengikut Kewargenagaraan Pada tahun 1891                                         |                                                                  | 26  |
| Jadual 2. 2: Populasi Borneo Utara Berdasarkan Etnik Pada Tahun 1901, 1911, 1921 dan 1931                           |                                                                  | 28  |
| Jadual 2. 3 Keluasan Tanaman Getah Pada Tahun 1928-1929                                                             |                                                                  | 36  |
| Jadual 2. 4: Kawasan Konsesi Pembalakan di Borneo Utara Tahun 1918                                                  |                                                                  | 38  |
| Jadual 3. 1: Kunci Kira-kira dan Bayaran Bagi Tahun 1895                                                            |                                                                  | 57  |
| Jadual 4. 1: Senarai Syiling Yang Dikeluarkan oleh <i>The State Bank of North Borneo</i>                            |                                                                  | 88  |
| Jadual 4. 2: <i>Millesimal Fineness</i> (Keseribu Kehalusan) dan Berat Mata Wang Dua Puluh Lima Sen Di Borneo Utara |                                                                  | 89  |

|                                                                                                                                         |     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 4. 3: Ukuran Standard Syiling yang Diperakui Sah Digunakan<br>Borneo Utara                                                       | 91  |
| Jadual 4. 4: Cadangan Pertama Ukuran Wang Kertas                                                                                        | 91  |
| Jadual 4. 5: Ukuran Mata Wang Kertas yang Dipersetujui oleh Mahkamah                                                                    | 92  |
| Jadual 4. 6: Jumlah Mata Wang Yang Dikeluarkan oleh <i>The The State Bank of North Borneo</i> dari Tahun 1933-1939                      | 93  |
| Jadual 4. 7: Penyata Aset Pada Bulan Disember 1935                                                                                      | 100 |
| Jadual 4. 8: Liabiliti <i>The State Bank of North Borneo</i> Pada Tahun 1935                                                            | 102 |
| Jadual 4. 9: Liabiliti Aset <i>The State Bank of North Borneo</i> dari Tahun 1935-1940                                                  | 103 |
| Jadual 4. 10: Akaun Untung Rugi dan Kunci Kira-kira pada 1 Januari Sehingga 30 September 1941                                           | 103 |
| Jadual 4. 11: Kunci Kira-kira <i>The State Bank of North Borneo</i> ada 30 Jun 1940                                                     | 105 |
| Jadual 4. 12 : Perbandingan Kadar Faedah yang ditawarkan oleh <i>Nederlandsch Indische Bank</i> dengan <i>State Bank of North Boneo</i> | 106 |
| Jadual 4. 13: Kadar Faedah yang ditawarkan oleh <i>The State Bank of North Borneo</i> bagi Akaun Deposit                                | 110 |
| Jadual 4. 14 : Penyata Kira-kira yang dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat Bank Negeri bagi Tahun 1926 dan Tahun 1927                     | 109 |
| Jadual 4. 15: Penyata Kira-kira yang dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat Bank Negeri bagi Tahun 1928 dan Tahun 1929                      | 110 |

#### **SENARAI LAMPIRAN**

|                                                            |     |
|------------------------------------------------------------|-----|
| Lampiran A: <i>The Indian Companies Act, 1913</i>          | 145 |
| Lampiran B: Penjelasan <i>The Currency Ordinance, 1914</i> | 152 |
| Lampiran C: <i>The Currency Ordinance, 1941</i>            | 157 |

|             |                                                                                               |     |
|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Lampiran D: | Syiling yang digunapakai di Borneo Utara sebelum tahun 1921                                   | 159 |
| Lampiran E: | Syiling Borneo Utara Selepas Tahun 1921                                                       | 181 |
| Lampiran F: | Syiling Luar yang digunakan di Borneo Utara sebelum Tahun 1921                                | 196 |
| Lampiran G: | Syiling Luar Yang Digunapakai di Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Borneo Sebelum Tahun 1921 | 197 |
| Lampiran H: | Jenis Mata Wang Yang Dikeluarkan Di Borneo Utara Sebelum Tahun 1921                           | 201 |
| Lampiran I: | Bilangan Mata Wang Yang Dikeluarkan Mengikut Tahun Di Borneo Utara                            | 205 |
| Lampiran J: | Jenis-Jenis Mata Wang Kertas Yang Dikeluarkan di Borneo Utara Selepas tahun 1921              | 206 |
| Lampiran K: | Jenis-jenis Syiling Di Semenanjung Malaysia dan Borneo Utara                                  | 209 |
| Lampiran L: | Syiling Pertama yang Dikeluarkan Semasa King George VI                                        | 212 |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Borneo Utara merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber alamnya. Kekayaan sumber alamnya yang terdiri daripada hasil hutan, sumber laut dan pertanian pastinya memberi pulangan yang sangat lumayan. Ini menyebabkan Borneo Utara menjadi tumpuan kuasa-kuasa besar Eropah Barat sejak awal abad ke – 18. Salah satu kuasa besar Eropah yang tertarik dengan kekayaan hasil bumi Borneo Utara ialah British. Akhirnya, pada tahun 1881, Borneo Utara telah dikuasai oleh *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) apabila syarikat ini berjaya mendapat Piagam Diraja daripada kerajaan British di London pada 1 November 1881.<sup>1</sup>

Kegiatan ekonomi pertanian merupakan sektor terpenting Borneo Utara semasa pertapakan *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC)<sup>2</sup>. Ini kerana,

---

<sup>1</sup> Di England, pada tahun 1880, Baron von Overbeck telah menjual bahagiannya kepada Alfred Dent. Alfred Dent membentuk sebuah persatuan sementara iaitu *The British North Borneo Provisional Association* (BNBPA). Sejak tahun 1878, ketika di England, Alfred Dent telah memohon British membentuk sebuah perbadanan berpiagam. Ini kerana, pemberian piagam akan meningkatkan taraf dan nama BNBPA dan kawasan pentadbirannya secara tidak langsung. Pada 1 November 1881, kerajaan British telah memberikan piagam dan membawa kepada penubuhan *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC). Dengan itu, BNBCC berkuasa di Sabah mulai tahun 1881 hingga tahun 1941. M. H. Baker, *North Borneo the First Ten Years 1946-1956*, Singapore: *University of Singapore*, 1962, hlm. 20. Lihat juga Ho Hui Ling, "Keadaan Ekonomi dan Sosial Di Sarawak (1841-1941) dan Sabah (1881-1941)", *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysian in History)*, Bil. 31-2003, 2004, hlm. 193-194.

<sup>2</sup> Pengecualian cukai eksport selama 50 tahun diberikan kepada semua syarikat yang terlibat dalam sektor pertanian di Borneo Utara. Syarikat barat yang terlibat turut diberi jaminan pulangan 4% bagi setiap pelaburan mereka untuk tempoh enam tahun tempoh permulaan. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk K. G. Tregonning, *History of Modern Sabah*, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Universiti Malaya Press, 1967, hlm. 91.

tujuan BNBBCC adalah untuk mengaut keuntungan dan mengeksploitasi sumber ekonomi Borneo Utara.<sup>3</sup> Bagaimanapun, kegiatan pertanian pada peringkat awal sukar dimajukan kerana Borneo Utara masih lagi dilitupi oleh hutan tebal. Dengan itu, BNBBCC telah memperkenalkan pelbagai insentif untuk menarik minat pelabur asing melabur di Borneo Utara baik dalam sektor pertanian dan perlombongan. Antaranya, pengecualian cukai eksport dan pemberian tanah kepada pengusaha barat dalam industri tembakau, misalnya.<sup>4</sup> Dasar BNBBCC menyebabkan kemasukan imigran Cina dan Jawa secara beramai-ramai pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Kegiatan perdagangan di Borneo Utara bermula apabila penduduk peribumi mengumpul hasil hutan dan menjualnya kepada peniaga Cina. Peniaga Cina kemudiannya mengangkut hasil hutan tersebut dengan kapal ke Singapura sebelum dieksport ke negara-negara lain. Malahan pada tahun 1885, sarang burung dan hasil hutan merangkumi hampir satu pertiga daripada keseluruhan hasil eksport Borneo Utara. Hasil eksport tersebut telah menyumbangkan kira-kira \$129, 800 kepada hasil negara yang berjumlah \$401, 640 pada tahun 1885.<sup>5</sup> Hasil-hasil hutan di Borneo Utara menjadi tarikan kepada kedatangan para pedagang dan pelabur asing untuk menjalankan perdagangan dan pelaburan di Borneo Utara. Hasil

---

Mohammad Raduan B. Mohd. Ariff. *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Udag: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2000, hlm. 84-86. Peter Chay. *Sabah: The Land Below The Wind*. Kuala Lumpur: Foto Teachimi Sdn. Bhd. 1988, hlm. 43 dan D. Retter. *British North Borneo*. London. Contest & Company, 1922, hlm. 33.

<sup>3</sup> Ho Hui Ling, "Keadaan Ekonomi dan Sosial Di Sarawak (1841-1941) dan Sabah (1881-1941)", *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysian in History)*, Bil. 31-2003, 2004, hlm. 201.

<sup>4</sup> Ho Hui Ling, 2004, "Keadaan Ekonomi dan Sosial Di Sarawak (1841-1941) dan Sabah (1881-1941)", *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysian in History)*, Bil. 31-2003, hlm. 201.

<sup>5</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*, 1958, hlm. 8; K. G. Tregonning, *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*, 1965, hlm. 81-82; dan Ho Hui Ling, "Keadaan Ekonomi dan Sosial Di Sarawak (1841-1941) dan Sabah (1881-1941)", *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysian in History)*, Bil. 31-2003, 2004, hlm. 202.

daripada perkembangan di Borneo Utara, Sandakan menjadi pusat perdagangan tembakau dan hasil-hasil hutan khasnya kayu balak.

Kegiatan pertanian bermula di pantai timur Borneo Utara seawal tahun 1880-an apabila peladang Eropah berjaya menanam tembakau yang akhirnya mendapat perhatian dan mula dieksport pada tahun 1884. Bagaimanapun, perusahaan tembakau mulai merosot pada awal abad ke-20 kerana hujan lebat dan banjir<sup>6</sup> serta tarif McKinley yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat yang bertujuan melindungi tembakau tempatan.<sup>7</sup> Kopi dan kelapa turut diusahakan sekitar tahun 1880-an, namun BNBBCC kurang minat dalam tanaman kopi malah lebih menumpukan perhatian kepada tanaman kelapa. Sementara itu, percubaan menanam gambir dimulakan pada September 1891<sup>8</sup> manakala koko mula diperkenalkan pada tahun 1895. Sementara itu, getah mula diperkenalkan di Borneo Utara pada tahun 1882 dan sebagai percubaannya, tanaman ini ditanam di Taman Percubaan Kerajaan di Sandakan. Tanaman ini berkembang menjadi tanaman eksport pada tahun 1892.<sup>9</sup>

Globalisasi ekonomi yang rancak dan terus berkembang menyebabkan BNBBCC berasa perlunya satu badan khas untuk mengawalatur dana yang diperoleh daripada kegiatan pertanian. Globalisasi ekonomi yang berlaku menyebabkan BNBBCC memperkenalkan sekaligus mengembangkan institusi perbankan di Borneo

---

<sup>6</sup> *The British North Borneo Herald*, 16 March 1896, hlm. 97.

<sup>7</sup> Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 56-57; Anwar Sullivan and Cecilia Leong (eds.), *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Sabah: The State Government Centenary Publications Committee, 1981, hlm. 191; Lihat juga M. H. Baker, *North Borneo The First Ten Years 1946-1956*, Singapore: University of Singapore, 1962, hlm. 110. Tarif McKinley turut disebut dalam *The British North Borneo Herald*, 1 May 1893, hlm. 117.

<sup>8</sup> *The British North Borneo Herald*, 1 February 1892, hlm. 44.

<sup>9</sup> Anwar Sullivan and Cecilia Leong (eds.), *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, hlm. 188; M. H. Baker, *North Borneo The First Ten Years 1946-1956*, hlm. 105; K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*, 1958, hlm. 88; Ho Hui Ling, "Keadaan Ekonomi dan Sosial Di Sarawak (1841-1941) dan Sabah (1881-1941)", *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysian in History)*, hlm. 204.

Utara. Institusi perbankan di Borneo Utara lewat diperkenalkan iaitu 25 tahun selepas pertapakan BNBCC. Institusi perbankan diperkenalkan ketika pelbagai nilai matawang digunapakai di Borneo Utara. Kepelbagaian nilai mata wang di Borneo Utara tentunya menimbulkan masalah terutamanya dari segi nilai mata wang. Sebagai usaha untuk menyeragamkan nilai mata wang di Borneo Utara, BNBCC telah mengeluarkan cadangan penubuhan bank seawal tahun 1913. Cadangan awal tersebut telah dipersetujui antara BNBCC dengan kerajaan British di London dan beroperasi berlandaskan *The Indian Companies Act, 1913*. Bagaimanapun, fungsi bank tersebut kurang jelas sehingga terbentuknya *The State Bank of North Borneo* pada tahun 1921.<sup>10</sup>

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Walaupun BNBCC merupakan syarikat penjajah, tidak dinafikan syarikat ini memberikan sumbangan besar terutamanya dalam pembangunan ekonomi di Borneo Utara. Kejayaan meneroka sumber alam Borneo Utara tentunya dilihat sebagai satu kejayaan besar memandangkan pada ketika itu, Borneo Utara masih lagi dilitupi oleh hutan tebal. BNBCC mengambil beberapa inisiatif untuk membangunkan ekonomi Borneo Utara dengan memperkenalkan beberapa insentif untuk menarik pelabur menanam modal di Borneo Utara. Persoalannya, sejauhmanakah perkembangan ekonomi pertanian memberi idea kepada BNBCC untuk mencadangkan pembentukan bank seawal 1913?

Pembentukan bank di Borneo Utara memberikan manfaat bukan sahaja kepada Borneo Utara tetapi turut memberi kebaikan kepada para pelabur yang menanam modal di Borneo Utara. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang membantu dalam perkembangan perbankan di Borneo Utara?

Pembentukan bank di Borneo Utara membolehkan pelabur yang menanam modal di Borneo Utara memperoleh manfaat melalui perkhidmatan yang disediakan oleh bank. Bagi memudahkan pelabur di bahagian pantai barat, BNBCC

---

<sup>10</sup> NBCA File No. 1492. "State Bank of North Borneo, hlm. 64-66.

telah membuka satu cawangan bank di Jesselton pada tahun 1922. Persoalannya, apakah bentuk-bentuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank?

Bagaimanapun, pada tahun 1932, cawangan bank di Jesselton telah ditutup dan dibuka semula pada tahun 1936. Persoalannya, apakah sebab cawangan bank di Jesselton ditutup dan mengapakah bank tersebut dibuka semula?

Bank yang dibentuk pada era pentadbiran BNBCC merupakan satu-satunya bank di Borneo Utara. Maksudnya, sepanjang tempoh kira-kira 60 tahun iaitu dari tahun 1881 sehingga tahun 1941, bank tersebut bertindak sebagai bank tunggal di Borneo Utara. Maka kajian ini cuba mengkaji dinamika perbankan, yakni faktor-faktor yang membawa kepada pembentukan bank.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, persoalan yang cuba diketengahkan oleh pengkaji melalui kajian ini ialah, apakah perkembangan ekonomi Borneo Utara sebelum Perang Dunia Kedua yang membawa kepada pembentukan bank?

Apakah fungsi yang diperkenalkan kepada pelanggan serta cabaran yang dihadapi serta impak pembentukan bank kepada Borneo Utara dan penghuninya?

Apakah perkhidmatan-perkhidmatan perbankan yang telah membantu perkembangan ekonomi di Borneo Utara?

Apakah isu-isu dan cabaran yang telah dihadapi oleh institusi perbankan di Borneo Utara dan bagaimanakah cabaran tersebut diatasi?

### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat empat objektif utama yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu;

Meninjau perkembangan ekonomi sebelum Perang Dunia Kedua sehingga membawa kepada pembentukan institusi bank pada tahun 1914.

Mengkaji perkembangan sistem perbankan di Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga 1941.

Menganalisis perkhidmatan-perkhidmatan institusi perbankan yang telah membantu perkembangan ekonomi di Borneo Utara.

Menganalisis isu-isu dan cabaran yang telah dihadapi oleh institusi perbankan semasa era pentadbiran BNCC di Borneo Utara.

### **1.5 Sorotan Literatur**

Kajian yang berkaitan dengan sejarah perkembangan perbankan di Borneo Utara sebelum Perang Dunia Kedua masih tidak banyak dilakukan. Kalau adapun penulisan yang mengaitkan tentang perbankan di Borneo Utara, kajian terdahulu hanyalah lebih memfokus tentang sejarah perkembangan ekonomi di Borneo Utara sebelum Perang Dunia Kedua. Beberapa pengkaji menulis secara umum dengan melihat kepada keseluruhan suasana kehidupan politik, ekonomi dan sosial masyarakat semasa zaman tersebut. Penulisan mereka bersandar kepada pelbagai sumber samada dalam bentuk dokumen atau lisan. Selain itu, bentuk kajian terdahulu lebih berkisar tentang beberapa tema yang berbeza-beza berkaitan dengan ekonomi Borneo Utara tetapi kajian yang terarah berkaitan dengan sejarah perkembangan perbankan di Borneo Utara sebelum Perang Dunia Kedua seolah-olah kurang diberi perhatian.

K. G. Tregonning menghasilkan satu kajian awal yang komprehensif khusus berkaitan dengan sejarah ekonomi Borneo Utara semasa zaman pemerintahan BNCC. Dalam kajiannya yang bertajuk "*Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*" telah membincangkan pembangunan ekonomi semasa BNCC yang memberi tumpuan penuh kepada pembangunan ekonomi

pertanian, khasnya sektor perladangan getah. Tumpuan ke atas sektor perladangan telah memberi nafas baru kepada BNBCC kerana sektor ini bukan sahaja membawa perubahan ekonomi ke atas Borneo Utara, malah membawa keuntungan kepada BNBCC. K. G. Tregonning turut menyatakan bahawa ekonomi kewangan di Borneo Utara semasa Treacher dan Dent belum stabil sepenuhnya terutamanya di peringkat awal penubuhan BNBCC. Di samping itu, K. G. Tregonning menyatakan bahawa urusan kewangan di Borneo Utara telah bermula sejak tahun 1882 lagi apabila Treacher dan Dent menghantar draft kepada Bank Singapura melalui Kerajaan London.<sup>11</sup> Kerancangan pembangunan ekonomi pertanian telah membawa kepada kemasukan ramai pelabur dan pengusaha asing di Borneo Utara, antaranya Harrison dan Crossfield, *British North Borneo Timber Company* dan *British North Borneo Trading Company*. Kemasukan pelabur dan pengusaha asing menyebabkan BNBCC telah memperkenalkan sistem mata wang iaitu syiling dan wang kertas bagi memudahkan urusan yang berkaitan dengan pinjaman dan pembayaran gaji kepada buruh. Buku yang ditulis oleh K. G. Tregonning boleh dikategorikan sebagai rujukan ilmiah dan sesuai untuk rujukan umum. Cara huraian dan gaya penulisan mudah difahami. Kelebihan utama tulisan ini ialah, K. G. Tregonning telah menyentuh sedikit sebanyak ekonomi kewangan di Borneo Utara peringkat awal walaupun tidak menghuraikan mengenai penubuhan *The State Bank of North Borneo* yang ditubuhkan pada tahun 1921.

Lee Yong Leng dalam bukunya "*Sabah: Satu petempatan Geografi Petempatan*" turut mengkaji berkaitan Borneo Utara pada tahun 1982. Aspek perbincangan yang diketengahkan oleh beliau ialah kedudukan Borneo Utara dari segi geografi dan geografi petempatan. Borneo Utara terletak di garisan Khatulistiwa dan iklimnya ialah panas dan lembab sepanjang tahun. Ini membolehkan kegiatan ekonomi terutamanya sektor pertanian amat sesuai untuk dibangunkan. Selain sektor pertanian, Borneo Utara juga terkenal dengan sumber hutannya. Bagaimanapun, pembangunan ekonomi peringkat awal mengalami kesulitan kerana bentuk muka bumi Borneo Utara yang bergunung ganang dan

---

<sup>11</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)* Singapore: University of Malaya Press, 1958, hlm. 50.

pastinya menelan belanja yang besar untuk membangunkan sesuatu kawasan. Menurut Lee Yong Leng, petempatan awal di Borneo Utara adalah tertumpu di sepanjang pantai berdekatan dengan muara sungai.<sup>12</sup> Bagaimanapun, Lee Yong Leng tidak menyentuh mengenai kewujudan bank di Borneo Utara sepanjang tempoh pentadbiran BNCC. Sungguhpun demikian, kajian Lee Yong Leng boleh dijadikan rujukan khususnya berkaitan dengan gambaran awal petempatan dan kegiatan ekonomi BNCC di Borneo Utara.

Pada tahun 1990 Stephen R. Evans<sup>13</sup> membincangkan sejarah awal Borneo Utara dengan memberi tumpuan kepada pembentukan Borneo Utara sebagai satu unit politik pada tahun 1881. Pembentukan unit politik pada tahun 1881 telah membawa beberapa perubahan ke atas Borneo Utara terutamanya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Penulis mendapati bahawa kajian Stephen R. Evans ada menyentuh mengenai kedudukan kewangan Borneo Utara peringkat awal. Sungguhpun kedudukan ekonomi kewangan Borneo Utara peringkat awal belum kukuh, BNCC berusaha membangunkan sektor perladangan yang dilihat berpotensi besar untuk dieksploitasi. Menurut Stephen R. Evans, perkembangan sektor perladangan dari setahun ke setahun telah membawa kepada pengeluaran mata wang sendiri iaitu Satu Dollar pada tahun 1930 dan 1940. Bagaimanapun, beliau tidak menyebut mengenai kewujudan *The State Bank of North Borneo* sebagai bank yang beroperasi di Borneo Utara ketika itu. Kelebihan buku ini ialah, pengolahan kronologi pembentukan Borneo Utara dibincangkan secara teratur dan ini membolehkan buku ini mudah difahami.

---

<sup>12</sup> Pertembungan awal dengan orang India, orang China, orang Eropah dari tahun Masihi 600 sehingga tahun 1763. Usaha pertama untuk membentuk petempatan di Borneo Utara adalah seawal tahun 1773 dan tahun 1804 di Pulau Balambangan di Utara Teluk Marudu oleh British. Pada tahun 1866, Syarikat Perdagangan Amerika cuba untuk membuat petempatan di Kimanis tetapi tidak berjaya kerana kekurangan bekalan makanan. Sehingga pada tahun 1881, BNCC telah ditubuhkan dan bermulalah era pentadbiran British di Borneo Utara. Sektor ekonomi telah dibangunkan dengan rancaknya terutamanya dalam perusahaan tembakau dan getah. Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 27.

<sup>13</sup> Stephen R. Evans, *Sabah (North Borneo); Under the Rising Sun Government*, Singapore: Tropical Press, 1991, hlm. 1-4.

Mohamad Isa Othman dalam kajiannya pada tahun 2002<sup>14</sup> membincangkan perkembangan ekonomi pertanian Borneo Utara yang membawa kepada penubuhan bank. Sebelum tahun 1910, kedudukan kewangan BNBBCC tidak begitu memuaskan. Hanya selepas itu, kedudukan ekonomi BNBBCC mula menunjukkan perubahan. Terdapat beberapa sumber yang menguntungkan seperti tembakau, pembalakan hasil hutan, sagu, ikan kering, kelapa kering dan arang batu. Menjelang tahun 1889, terdapat lebih kurang 75 buah syarikat mengambil tanah untuk tanaman tembakau. Di samping penanaman getah secara kontan, perlombongan dan pembalakan turut dijalankan. Perkembangan dalam sektor ekonomi di Borneo Utara telah memajukan beberapa buah bandar baru seperti Gaya, Silam, Tawau, Penungah, Semporna, Keningau, Tenom dan Beaufort. Talian telegraf antara Jesselton dan Sandakan disiapkan sepenuhnya pada tahun 1896. Kekurangan yang terdapat dalam kajian ini ialah, penulis tidak menjelaskan institusi kewangan yang ditubuhkan pada tahun 1921.

Pada tahun 2005, Md. Saffie Abdul Rahim<sup>15</sup> turut membuat penyelidikan berhubung dengan kegiatan ekonomi orang Jepun di Borneo Utara sebelum Perang Dunia Kedua. Fokus utama kajian beliau ialah kegiatan ekonomi orang Jepun dari tahun 1903 sehingga tahun 1941. Antara pemodal Jepun yang terlibat dalam sektor ekonomi pertanian di Borneo Utara ialah *Kuhara Tawau Rubber Estate* (KTRE), *Tawau Estate Limited* (TEL), *Borneo Shokusan Kabushiki Kaishah Limited* (BSKKL), *Kumada Cooperation*, *Tenggara Nipah Estate* (TNE), *British Borneo Development Company* (BBDC), dan *Borneo Fishing Company* (BFC). Menurut beliau, aktiviti ekonomi pemodal Jepun di Borneo Utara sangat aktif terutamanya di pantai timur Borneo Utara. Tambah beliau, penglibatan pemodal Jepun tidak hanya tertumpu dalam sektor pertanian tetapi juga dalam sektor pembalakan dan perikanan. Kebanyakan aktiviti pembalakan yang diusahakan oleh pemodal Jepun adalah

---

<sup>14</sup> Mohamad Isa Othman, *Sejarah Malaysia*, Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd., 2002, hlm. 257-258.

<sup>15</sup> Md. Saffie Abdul Rahim, "Sejarah Kegiatan Orang Jepun di Borneo Utara Sebelum Perang Dunia Kedua (1881-1941)", Thesis Sarjana, Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah, 2005, hlm. 3.

tertumpu di Tawau manakala kegiatan perikanan pula tertumpu di perairan Borneo Utara.

Seterusnya, buku ilmiah yang bertajuk "*Bank Perdagangan di Malaysia: Struktur dan Pengurusan Dana*"<sup>16</sup> yang ditulis oleh Abdul Ghafar Ismail dan Surtaham Kastin Hasan merupakan satu penulisan yang penting. Buku ini secara keseluruhannya membincangkan struktur dan pengurusan bank perdagangan di Malaysia. Kandungan buku ini meliputi tujuh bab utama. Antaranya ialah struktur bank perdagangan, Bank Islam, pengawalan dan pengurusan bank, pengurusan bank yang meliputi liabiliti dan modal serta aset dan liabiliti. Buku ini secara khususnya membincangkan struktur bank perdagangan termasuklah pengelasan bank perdagangan, cawangan bank dan bank penghubung. Perbincangan tentang pengurusan bank pula merangkumi aspek modal dan liabiliti seperti saham dan deposit dan bil kena bayar, manakala aspek aset ialah keperluan rizab berkanun dan keperluan mudah tunai. Buku ini amat berguna kepada pengkaji untuk melihat perkembangan bank perdagangan di Malaysia terutamanya dalam aspek pengurusan dana. Namun kelemahan buku ini ialah tidak mengandungi sebarang nota kaki. Bagaimanapun, buku ini dapat dijadikan sebagai rujukan penting untuk pembacaan dalam kajian penyelidikan ini.

Penulisan yang bertajuk "*Pengurusan Bank di Malaysia*" yang ditulis oleh Johnson Pang dan Nathaniel G Savarimuthu<sup>17</sup> merupakan antara penulisan utama yang amat diperlukan untuk menjalankan kajian ini. Secara keseluruhannya, buku ini membincangkan secara khusus semua aspek dalam urusan bank. Secara umumnya, buku ini mengandungi tiga bahagian yang utama iaitu sistem kewangan, perkhidmatan urusan bank dan jurubank – pelanggan. Buku ini merupakan rujukan berbentuk ilmiah dan amat berguna kepada pengkaji untuk

---

<sup>16</sup> Abdul Ghafar Ismail dan Surtahman Kastin Hasan, *Bank Perdagangan di Malaysia: Struktur dan Pengurusan Dana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 9 – 46.

<sup>17</sup> Johnson Pang dan Nathaniel G Savarimuthu, *Pengurusan Bank di Malaysia*, Selangor: Longman Malaysia SDN. BHD., 1991, hlm. 5 – 191.

melihat jenis-jenis urusan bank seperti deposit yang merangkumi akaun semasa, akaun simpanan, akaun dan deposit tetap. Namun, kelemahan buku ini ialah tidak mengandungi sebarang nota kaki yang menjadi sumber rujukan tambahan kepada pengkaji. Bagaimanapun, buku ini tetap menjadi salah sebuah rujukan utama pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini.

"*Ekonomi Wang dan Urusan Bank*"<sup>18</sup> yang ditulis oleh Stephen M. Goldfeld dan Lester V. Chandler merupakan salah satu buku yang berguna kepada pengkaji. Buku ini secara keseluruhannya membincangkan tentang bidang kewangan dan urusan bank dalam soal dasar. Teori perhubungan antara wang dan urusan bank serta fungsi ekonomi yang menyeluruh serta proses yang terlibat turut dibincangkan. Buku ini menggunakan pendekatan teori, institusi dan sejarah serta menekankan pandangan yang bersifat evolusi yang bukan sahaja cuba menerangkan struktur bank masa kini, sikap dan dasar yang berkembang tetapi turut mencadangkan beberapa arah perubahan masa hadapan yang serba mungkin. Buku ini terdiri daripada enam bahagian yang utama iaitu sifat, fungsi dan kewangan; bank perdagangan dan institusi tempat simpanan yang lain; urusan bank pusat; teori kewangan; dasar kewangan dari segi teori dan praktis; dan perhubungan kewangan antarabangsa. Buku ini merupakan rujukan ilmiah yang boleh dijadikan salah sebuah rujukan penting oleh pengkaji berkenaan hubungan antara wang dan bank. Kelemahan utama buku ini ialah nota kaki yang sangat sedikit serta tidak menyenaraikan sumber rujukan yang digunakan.

Buku "*Elements of Banking*"<sup>19</sup> yang ditulis oleh Leonard Seymour-Smith membincangkan ekonomi kewangan, istilah undang-undang dasar dan prosedur perbankan. Selain itu, perkembangan perbankan pada masa dahulu sehingga kini turut dibincangkan dalam buku ini. Buku ini mengandungi 20 topik perbincangan

---

<sup>18</sup> M. Goldfeld dan Lester V. Chandler (ter. Nazlifa Md. Ali & Nailul Murad Mohd. Nor), *Ekonomi Wang dan Urusan Bank*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 3-20, 105-216.

<sup>19</sup> Leonard Seymour-Smith, *Elements of Banking*, Hutchinson: Emile Woolf Publication, 1989, hlm. 1-7, 25-36, 39-49, 53-64, 77-84.

## BIBLIOIGRFI

- Andrew, A. P. 1989. "What Ought to Be Called Money", *Quarterly Journal of Economics*.
- Anderson, L. E., dan Burger, A. E. 1969. "Asset Management dan Commercial
- Abdul Aziz Hussin, 1997. *Undang-undang berkaitan Mata Wang*, Kuala Lumpur: MDC Penerbit Pencetak Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar Ismail & Surtahman Kastin Hasan. 1993. *Bank Perdagangan di Malaysia; Struktur dan Pengurusan Dana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Manap Said & Barjoyai B. Barda. 1978. *Asas Perdagangan Federal*, Petaling Jaya: Nan Yang Sdn. Bhd.,
- Angel, N. 1929. *The Story of Money*, New York: Harper & Bros.
- Annual Report 1921, 1927, 1929, 1938, 1948
- Annual Report 1921, 1927, 1929, 1938, 1948
- Baker, M. H.. 1962. *North Borneo The First Ten Years 1946-1956*, Singapore: University of Singapore.
- Behavior: Theory and Practice", *Journal of Finance*, Vol. 24.
- Beeworth, R. 1990. "Banking in Future", *Banker's Journal Malaysia*, Februari, hlm 8-20.
- British North Borneo Herald, 1894, 1905, 1930, 1933, 1938, 1939, 1940
- British North Borneo Secretariat File 1495: Forestry In North Borneo, by. J. P. Edwards.
- Bank Negara Malaysia, 1984b. *Wang dan Urusan Bank di Malaysia, 1959-1984*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Chatfield, Godfrey A. 1972. *Sabah: A General Geography*, Singapore: 4th rev. Ed.
- Chowdhury, A. T. & Kashfia, A. 2009. "Penilaian prestasi Swasta Terpilih Bank Perdagangan di Bangladesh", *Jurnal Antarabangsa Perniagaan dan Pengurusan*, Vol. 4, No. 4.

- Chay, Peter. 1988. *Sabah: The Land Below The Wind*, Kuala Lumpur: Foto Teachimi Sdn. Bhd.
- Clark Roff, Margaret. 1974. *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Din, Chiang Hai. 1966. "The Origin of the Malayan Currency System" *Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol. 39.
- Douglas, C. 1991. "Institution". *Journal of Economic Perspectives* 5 (Winter 1991).
- Einzining, P. 1996. *Primitive Money*, New York: Oxford University Press.
- Flanery, M. J. & Jaffee, D. M. 1973. *The Economic Implications of an Electronic Monetary Transfer System*. Lexington, MA, Heath.
- Friedman, M. 1956. *The Quantity of Money - A Restatement*, Chicago: University of Chicago Press.
- Galbraith, J. K. 1975. *Money: Whence It Came, Where It Went*, Boston: Houghton Mifflin.
- Goodlet, K. J. 1972. "Coal Mining at Silimpopon 1906-1932", *Sabah Society Journal*. No. 4.
- Goyal, K. A. & Joshi, Vijay. 2012, *Antarabangsa Jurnal Penyelidikan dan Pengurusan Perniagaan (IJBRM)*, jilid (3): Isu (1).
- Guan, Cheah Kooi. 1997. *Institusi-institusi Kewangan di Malaysia*, Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goldsmith, R. 1958. *Financial Intermediaries in the American Economy since 1900*, Princeton: NJ, Princeton University Press.
- Goldfeld, M. & Chandler, Lester V. 1991. (Terjemahan Nazlifa Md. Ali & Nailul Murad Mohd. Nor), *Ekonomi Wang dan Urusan Bank*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harry, B. 1983. *Asset and Liability Management from the Credit Perspective*, Philadelphia: Robert Morris Associates.
- Higgins, Robert C. 1996. (Terjemahan Zulkifli Salleh), *Analisis Pengurusan Kewangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huff, W. G. 1993. "The Development of the Rubber Market in Pre-World War 11 Singapore", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 24, Bil.2, hlm. 286-304.

<http://moneymuseum.bnm.gov.my>.

<http://www.epapermoney.com>

- Ismail Ali. 2004. Sejarah Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Negeri Sabah, 1786-2000. Tesis Phd. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Jones, D. W. 1973. "The Timber Industry and Forest Admin in Sabah Under Chartered Company Rule", *Journal of South East Asian Studies*, Vol 5. No. 1.
- Kaur, Amarjit. 1995. "The Origin of Cocoa Cultivation in Malaysia", *Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol. LXVIII, Pt. 1.
- Kim, Khoo Kay. 1981. "British North Borneo or Sabah", *Sabah History and Society*, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Ling, Ho Hui. 2004. "Keadaan Ekonomi dan Sosial Di Sarawak (1841-1941) dan Sabah (1881-1941)", *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysian in History)*, Bil. 31-2003.
- Lujinah Zunaidah Timbun, 1988. Sejarah Perkembangan Perusahaan Pembalakan di Sabah (Borneo Utara) Sebelum Perang Dunia Kedua (1881-1941). Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Selangor.
- Luckett, D. G..1987. *Money and Banking* (eds. 3), New York: McGraw-Hill Book Company.
- Ongkili, James P.1973. "Kelekaan Ekonomi Kompeni Berpiagam Sabah, 1881-1941", *Malaysia dari Segi Sejarah*, Vol. XVI, No. 1 June.
- King, Victor T. 1993. *The People of Borneo*. Blackwell
- Leng, Lee Yong. 1982. Sabah: *Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Saffie Abdul Rahim. 2005. Sejarah Kegiatan Orang Jepun di Borneo Utara Sebelum Perang Dunia Kedua, 1881-1941, Tesis Sarjana, Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohamad Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Mohd. Ariff Dato' Haji Othman. 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah; Implikasi dari Segi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mishkill, Frederic. 1992. *The Economic of Money, Banking & Financial Market*, Harper Collins Publisher.

Mikrofilem: No. Fail 2002/1996: BNBH & Fortnightly Record, Sandakan & Jesselton ( 2.1.1931 – 16.12. 1931).

Mikrofilem: No. Fail 3/82: Financial Letter From The Treasury Sandakan to the Company Government (1896-1900).

Mikrofilem: No. Fail 4/82: Financial Letter From The Treasury Sandakan to the Company Government (7. 1. 1887 – 5. 6. 1891).

Mikrofilem: No. Fail 26/82: Financial Letters (1891.6.12 – 1896.10. 2).

Mikrofilem: No. Fail 28/8: Financial (1904. 7. 5 – 1912).

Mikrofilem: No. Fail 31/82: Financial Letters to Company ( 1918, No. 2 – 1920).

Mikrofilem: No. Fail 225/82: North Borneo State Bank.

Mikrofilem: No. Fail 227/82: North Borneo State Bank.

Mikrofilem: No. Fail 350/82: State Bank Proposed Formation as a Separate Companies (1922-1929).

Mikrofilem: No. Fail 389/82: North Borneo State Bank.

Mikrofilem: No. Fail 390/82: North Borneo State Bank.

Mikrofilem: No. Fail 391/82: North Borneo State Bank.

Mikrofilem: No. Fail 392/82: North Borneo State Bank.

Muhamad Muslehuddin. 1986. (terjemahan oleh Izuddin Hj. Mohammad), *Urusan Bank dan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*North Borneo Central Archive*, File No. 21, Diplomatic and Consular Reports and Trade and Finance. Report for the years 1887 and 1888 Territory of the B. N. B. Company.

*North Borneo Central Archive*, No. 48, British Borneo And Dutch North - East Borneo, Notes on Forest Exploitation And The Forestry Services.

*North Borneo Central Archive*, File No.134, Money Draft Agreement.

*North Borneo Central Archive*, File No. 196A, Rubber Royalty, 1928.

*North Borneo Central Archive*, File No. 461abc, New Darvel Bay Tobacco Plantations LTD, Taking over of Tobacco Cultivation by Darvel Syndicate Re Land at Lahad Datu.

*North Borneo Central Archive*, File No. 368, State Bank of Jesselton.

*North Borneo Central Archive*, File No. 421, British North Borneo Herald; Notes Published.

*North Borneo Central Archive*, File No. 432, Railway Department, 1940.

*North Borneo Central Archive*, File No. 524, Coinage, U.S., Interrogatories Convention.

*North Borneo Central Archive*, File No. 646, Annual Report of Administration for 1929.

*North Borneo Central Archive*, File No. 716, Jesselton – Tuaran Road, 1932 – 1941 Expend. Maintenance.

*North Borneo Central Archive*, File No. 771, Currency Notes: Supply & Issue of Currency Ordinance.

*North Borneo Central Archive*, File No. 862, Annual Accounts (1926-1929).

*North Borneo Central Archive*, File No. 996, Copper Coins, 1897 -1930.

*North Borneo Central Archive*, File No. 1110, Roads & Bridle path development, Scheme for State.

*North Borneo Central Archive*, File No. 1165, Agent British, for North Borneo and Sarawak visit to North Borneo (1935).

*North Borneo Central Archive*, File No. 1273, Annual Report on Financial And State Bank Departments for The Year 1934-1939.

*North Borneo Central Archive*, File No. 1298. Administration, Penal (1935-1940).

*North Borneo Central Archive*, File No. 1379, Loan and Credit to - Trader.

*North Borneo Central Archive*, File No.1382, Money Lenders Ordinance 1901.

*North Borneo Central Archive*, File No. 1405, Administration Report – Annual for the year 1921.

*North Borneo Central Archive*, File No. 1435, Dent, Alfred, private correspondence of, and Edward Gent 1877-1878.

*North Borneo Central Archive*, File No. 1488, Advisory Board.

*North Borneo Central Archive*, File No. 1492. State Bank of North Borneo.

North Borneo Industry Department Annual Report 1915, Sandakan Government.

North Borneo Forest Department Annual Report, 1918.

North Borneo Custom Department Annual Report, 1921. Appendix 8.

Pang, Johnson & Savarimuthu, Nathaniel G. 1991. *Pengurusan Bank di Malaysia*, Selangor: Longman Malaysia SDN. BHD.

Pridmore, F. 1965. *The Coin of The British Commanwelth of Nation*, Belgium: Asian Territories, Spink & Son Ltd.

Rothbard, Murray N. 2002. *A History of Money and Banking In The United States: The Colonial Era To World War II*, Ludwing Von Mises Institute: Aubrun, Alabama.

Ranjit Singh, 1984. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamic of Indegenious Society*, Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Sabihah Osman, 1985. *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Seymour-Smith, Leonard. 1989. *Elements of Banking*, Hutchinson: Emile Woolf Publication.

Shaw, William & Hj. Ali, Md. Kassim. 1972. "Currency In East Malaysia", *Persatuan Sejarah Malaysia: Malaysia In History*.

Sullivan, Anwar & Leong, Cecilia. 1981. *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Kota Kinabalu : Sabah State Government.

Shrieves, R. E. 1992. "The relationship between risk and capital in commercial banks", *Journal of Banking & Finance*, 16 (2).

Tze-ken, Dany Wong. 1998, *The Transformation of an Immigrant Society: A Study of The Chinese of Sabah*, London: ASEAN Academic Press.

Tregonning, K. G. 1958. *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Tregonning, K. G. 1967. *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu University Malaya Press.

Tregonning, K. G. 1960. *North Borneo*, London: H. M. Stationery.

The Currency Legacy: A Guide to Bank Negara Malaysia Collection, 1986.

Voon, Phin Keong. 1976 "Western Rubber Planting Enterprise in Southeast Asia 1876-1921", Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 108-114.

Yang, Der-Yuan. 1997. *The Origin of the Bank of England, A Credible Commitment to Sovereign Debt*. University of California.

Y. Andaya. 2001. *A History of Malaysia*, Second Edition. Hampshire: Palgrave,